

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) will provide you with key information about your Auto Balance Conversion (ABC) Programme. Other customers have read this PDS and found it very helpful. Therefore, you should also read it to gain a better understanding of this product.



1. What is Auto Balance Conversion

Subject to eligibility, **Auto Balance Conversion (ABC) Programme** automatically converts eligible outstanding balances on your Credit Card/ Credit Card-i ("**Credit Card/-i**") to a Term Loan/Term Financing payable by monthly instalments. The eligible criteria for this Programme as follows:

- Malaysian with annual income not more than RM60,000 per annum;
- Average payment is not more than 10% of your outstanding balance for the past 12 months;
- Consistent revolver over the past 12 months (i.e. you have not made any full payment of your Credit Card/-i over the past 12 months);
- Credit Card/-i account is current and not delinquent at the point of conversion

If you are a first-time participant in the Programme, you have 30-calendar days cooling off period to contact the Bank to cancel it after the conversion. Upon cancellation the converted amount will be reversed back into your Credit Card/-i account and the existing applicable finance charges/profit will continue to be chargeable.

Once enrolled, the Bank will assess your eligibility for further automatic enrollment every 12 months from the date the Bank last assessed you. If you are eligible upon reassessment, the Bank will automatically enroll you into the Programme. You may opt out from the Programme by informing the Bank.

This Programme offers a lower Interest/Profit rate of 13% Effective Interest/Profit rate or 7.1% Flat Interest/Profit rate per annum ("**p.a.**") compared to the standard Credit Card/-i rates of 15%–18% p.a., with a fixed tenure of 36 months and no processing or cancellation fee upon full settlement.

2. Know Your Obligations

- Your monthly instalment payment amount ("**Monthly Payment**") under the Programme is calculated based on the method illustrated in the example below. Each conversion Monthly Payment will be billed to your Credit Card/-i account and you will have to make the conversion Monthly Payment in full by the payment due date of each month.
- The conversion Monthly Payment amount is fixed. Any pre-payment or excess payment will not reduce the outstanding principal amount or the subsequent conversion Monthly Payment and it will only be treated by the Bank as advance payment.
- The example illustration below for Conventional Credit Card/Islamic Credit Card-i using Effective Interest/Profit rate of 13% or Interest/Profit rate of 7.1% per annum.

a	Conversion Amount	RM 15,000
b	Conversion Tenure	36 months
c	Effective Interest/Profit Rate or Flat Interest/Profit rate	13% or 7.1%p.a.
$d = a + (a * b * c) / b$	Monthly Payment	RM 505.42
$e = (a * b * c)$	Total Interest/Profit	RM 3,195.00
$f = (a + e)$	Total Principal & Interest/Profit	RM 18,195.00

It is your responsibility to:



Read and understand the **key terms** in the **Terms & Conditions**



Pay at least the minimum monthly repayment/payment amount by due date.



Contact us immediately, after having discovered the loss or unauthorised use of your card.

Fees and charges:

- Conventional Credit Card: No processing or early settlement fees when you pay the outstanding amounts due before maturity.
- Islamic Credit Card-i: Rebate may be granted upon full settlement of outstanding amounts before maturity of Conversion Tenure

Fully settle the balance before maturity:

There are no lock-in period or early settlement charges for the Programme. You may perform an early settlement charge of the total outstanding amount before the expiry of the tenure of the relevant term loan/ term financing, by calling our Contact Centre and providing us with at least 30 calendar days prior notice. For early settlement, you are required to pay the Bank the total outstanding balance owing (inclusive of monthly instalments due i.e. the total principal amount, interest/ profit, late payment charges and other fee and charges. For Credit Card-i, the Bank shall grant rebate on the unaccrued profit, if any, to Cardholder upon full settlement of the total outstanding principal before maturity of Conversion Tenure.

3. Know Your Risks

WHAT IF I FAIL TO FULFILL MY OBLIGATIONS?

Finance Charges/Profit: The Bank shall impose finance charges/profit at 18% per annum on any unpaid monies and remaining unpaid to the Bank after its relevant due date calculated on a daily balance basis and on each payment due date.

- **Late Payment Penalty Charges**

1% of the balance outstanding due or a minimum of RM10; whichever is higher, up to a maximum of RM100 will also be charged after the due date and such late payment charge shall be payable in full on the following due date.

- **Right to Set-Off**

We have the right to set-off any credit balance in your account maintained with AmBank (M) Berhad and/or AmBank Islamic Berhad against any outstanding balance in this Credit Card account by giving you seven (7) calendar days prior notice in advance. We have the right to appoint external agents to collect debts due to us and to sell your debt owing to us to a third party.

- **Rights to outsource debt collection and sell impaired loan/financing:**

The Bank shall inform the cardholder of its rights to outsource debt collection to an external agency and the right to sell impaired loan/financing to a third party.

- **Events of Default:**

If you fail to pay your Monthly Payments for 3 consecutive months, the Bank shall be entitled at any time by giving reasonable notice, to terminate the Auto Balance Conversion made available to you. All monies comprising of the total principal of the amount converted which remains outstanding together with the applicable finance charges/ profit, accrued interest charges/ profit, fees and charges (including late payment charges) and the balance of all other monies due and owing under your Credit Card/-i account will be due and payable immediately, where the Bank will be entitled to demand for the full amount.

4. Other Key Terms

- It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondence and communications reach you in a timely manner.
- You are to read, understand and comply with the general Terms and Conditions available at www.ambank.com.my.
- You are to understand that failure to make timely repayments/payments on your card balances may result in legal action being taken against you.

If you have any questions or require assistance on your Credit Card/-i, you can:



Call us at:
03 - 2178 8888



Visit us at:
<https://www.ambank.com.my>



E-mail us at:
customercare@ambankgroup.com

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan maklumat penting mengenai Penukaran Baki Automatik (ABC) anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia sangat membantu. Oleh itu, anda juga disarankan untuk membacanya bagi mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang produk ini.



1. Apakah Program Penukaran Baki Automatik?

Tertakluk kepada kelayakan, **Program Penukaran Baki Automatik (ABC)** secara automatik menukarkan amaun belum jelas yang layak dalam Kad Kredit/Kad Kredit-i ("**Kad Kredit-i**") anda kepada Pinjaman Berjangka/Pembiayaan Berjangka yang perlu dibayar melalui ansuran bulanan. Kriteria kelayakan untuk Program ini adalah seperti berikut: amaun belum jelas

- Rakyat Malaysia dengan pendapatan tahunan tidak melebihi RM60,000 setahun;
- Purata pembayaran tidak melebihi 10% daripada amaun belum jelas dalam tempoh 12 bulan lepas;
- Mempunyai rekod pembayaran secara revolver yang konsisten sepanjang 12 bulan yang lalu (iaitu anda tidak membuat bayaran penuh Kad Kredit-i anda dalam tempoh 12 bulan yang lalu).
- Akaun Kad Kredit-i adalah aktif dan tidak tertunggak semasa penukaran dibuat.

Jika anda menyertai program buat pertama kali, anda diberikan tempoh bertenang selama 30 hari kalendar untuk menghubungi Bank bagi membatalkannya selepas pertukaran. Sekiranya pembatalan dibuat, amaun yang ditukarkan akan dimasukkan semula ke dalam akaun Kad Kredit-i anda dan caj kewangan/ keuntungan sedia ada yang berkenaan akan terus dikenakan.

Selepas didaftarkan, Bank akan menilai kelayakan anda untuk setiap 12 bulan dari tarikh Bank membuat penilaian terakhir ke atas anda. Jika anda didapati layak selepas penilaian semula, Bank akan mendaftarkan anda secara automatik ke dalam Program ini. Anda boleh memilih untuk tidak menyertai Program ini dengan memaklumkan kepada Bank.

Program ini menawarkan Kadar Faedah/Keuntungan yang lebih rendah iaitu 13% Kadar Faedah/Keuntungan Efektif atau 7.1% Kadar Faedah/Keuntungan Rata setahun berbanding kadar Kad Kredit-i sedia ada antara 15% hingga 18% setahun, dengan tempoh tetap 36 bulan serta tiada yuran pemprosesan atau pembatalan sekiranya penyelesaian penuh dibuat.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

- Amaun pembayaran ansuran anda ("**Bayaran Bulanan**") di bawah Program dikira berasaskan kaedah yang dinyatakan dalam contoh di bawah. Setiap Bayaran Bulanan pertukaran akan dibilkan kepada akaun Kad Kredit-i anda dan anda perlu membuat Bayaran Bulanan pertukaran secara penuh selewat-lewatnya pada tarikh kena bayar pada setiap bulan.
- Amaun Bayaran Bulanan pertukaran anda adalah tetap. Sebarang prabayaran atau lebihan bayaran tidak akan mengurangkan Amaun pokok tertunggak atau Bayaran Bulanan Pertukaran seterusnya dan hanya akan dianggap oleh Bank sebagai pembayaran awal.
- Contoh di bawah bagi Kad Kredit Konvensional/Kad Kredit-i Islamik menggunakan Kadar Faedah Efektif/Keuntungan 13.0% atau Kadar Faedah/Keuntungan Rata 7.1% setahun:

a	Amaun Pertukaran	RM 15,000
b	Tempoh	36 bulan
c	Kadar Faedah/Keuntungan Efektif atau Kadar Faedah/Keuntungan Rata	13% or 7.1% setahun
$d = a + (a \times b \times c) / b$	Bayaran bulanan	RM 505.42
$e = (a \times b \times c)$	Amaun faedah/keuntungan	RM 3,195.00
$f = (a + e)$	Amaun Pokok dan Faedah/keuntungan	RM 18,195.00

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:

-  Membaca dan memahami terma-terma utama dalam **Terma dan Syarat**
-  Membayar sekurang-kurangnya jumlah bayaran balik/bayaran bulanan minimum sebelum tarikh akhir pembayaran.
-  **Hubungi kami dengan segera** selepas anda menyedari kehilangan atau penggunaan kad anda tanpa kebenaran.

Yuran dan Caj:

- Kad Kredit Konvensional: Bank tidak akan mengenakan sebarang yuran pemprosesan atau apaapa yuran penjelasan awal jika anda membayar Amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada kami sebelum tarikh kena bayar.
- Kad Kredit-i: Bank akan memberikan rebat, jika ada, kepada Pemegang Kad selepas penjelasan penuh Program sebelum tamat Tempoh Pertukaran.

MENJELASKAN SEPENUHNYA BAKI SEBELUM MATANG:

Tiada tempoh sekatan atau caj penjelasan awal bagi Program. Anda boleh membuat penyelesaian awal amaun tertunggak keseluruhan sebelum tamat tempoh pinjaman bertempoh/pembiayaan bertempoh yang berkaitan, dengan menghubungi Pusat Panggilankami dan memberi kami notis sekurang-kurangnya 30 hari kalendar terlebih dahulu. Untuk penjelasan awal, anda perlu membayar Bank Amaun amaun belum jelas (termasuk ansuran bulanan yang perlu dibayar, iaitu Amaun pokok keseluruhan, faedah/keuntungan, caj pembayaran lewat dan yuran dan caj lain). Bagi Kad Kredit-i, Bank akan memberikan rebat atas keuntungan tidak terakru, jika ada, kepada Pemegang Kad selepas penjelasan penuh semua Amaun pokok keseluruhan sebelum tamat Tempoh Pertukaran.

3. Ketahui Risiko Anda

BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNG JAWAB SAYA ?

Caj Kewangan / keuntungan: Bank akan mengenakan caj kewangan/ keuntungan pada kadar 18% setahun atas sebarang wang belum dibayar dan masih belum dibayar kepada Bank selepas tarikh kena bayar berkaitan yang dikira atas dasar baki harian dan pada setiap tarikh matang pembayaran.

- **Caj Pembayaran Lewat:**

setiap bulan, caj pembayaran lewat 1% daripada amaun belum jelas yang perlu dibayar atau minimum RM10, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100. Caj pembayaran lewat ini akan dikenakan selepas tarikh akhir pembayaran dan perlu dijelaskan sepenuhnya pada tarikh pembayaran berikutnya. Amaun belum jelas akan dikenakan selepas tarikh kena bayar dan caj pembayaran lewat tersebut juga perlu dijelaskan sepenuhnya pada tarikh kena bayar berikutnya.

- **Hak Untuk Menolak Selesai:**

Bank berhak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam mana-mana daripada akaun lain anda yang disimpan dengan Bank untuk menjelaskan sebarang amaun belum jelas akaun Kad Kredit/i termasuk amaun belum jelas yang timbul daripada Penukaran Baki Automatik dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu. Bank juga berhak untuk melantik ejen luar bagi mengutip hutang yang terhutang kepada Bank serta menjual hutang anda yang terhutang kepada Bank kepada pihak ketiga.

- **Hak Untuk Mengalih Keluar Kutipan Hutang dan Menjual Pinjaman/Pembiayaan yang Terjejas:**

Bank akan memberitahu pemegang kad tentang hak mereka untuk melantik agensi luar untuk mengutip hutang kepada agensi luar dan hak untuk menjual pinjaman/pembiayaan yang terjejas kepada pihak ketiga.

- **Kegagalan Pembayaran:**

Jika anda gagal membuat Bayaran Bulanan selama 3 bulan berturut-turut, Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang munasabah dengan notis yang munasabah untuk menamatkan Penukaran Baki Automatik yang disediakan kepada anda. Semua wang yang merangkumi nilai pokok bagi Amaun pertukaran yang masih tertunggak serta caj kewangan/ keuntungan yang berkenaan, caj faedah / keuntungan terakru, yuran dan caj (termasuk cak pembayaran lewat) dan baki semua wang lain yang kena bayar dan dihutang di bawah akaun Kad Kredit/i anda akan kena dibayar dan perlu dibayar serta-merta, dan Bank berhak untuk menuntut Amaun penuh.

4. Terma Utama Lain

- Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda dikehendaki untuk membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat am yang terdapat di www.ambank.com.my.
- Anda hendaklah memahami bahawa kegagalan membuat pembayaran balik/bayaran tepat pada masanya bagi baki kad anda boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Kredit anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03 - 2178 8888



Layari laman sesawang kami:
<https://www.ambank.com.my>



E-mel kami di:
customercare@ambankgroup.com